

'Cari kaedah lain bantu golongan sasar'



Ahmad Mukhriz (duduk empat dari kanan) bersama peserta pada Program Santai Pancing Sangkar Pulau Ketam di Jeti Pengkalan, Kapar, semalam.

[FOTO FAIZ ANUAR/BH]

Klang: Biro Pertanian Pergerakan Pemuda UMNO menyokong langkah pemansuhan beras tempatan bersubsidi 15 peratus hancur (ST15), mulai tahun depan.

Pengerusinya, Datuk Ahmad Mukhriz Ahmad Fuad, langkah pemberian subsidi beras sejak 2008 untuk membantu golongan sasar menangani kenaikan harga itu tidak lagi sesuai kerana harga beras di pasaran sudah menurun.

Pemansuhan subsidi

"Pemansuhan subsidi dibuat selepas didapati berlaku ke-

tirisan yang menyebabkan subsidi tidak sampai sepenuhnya kepada golongan sasar.

"Subsidi ini baik ketika harga beras meningkat suatu ketika dahulu tetapi kini harga beras didapati lebih rendah di pasaran.

Cari mekanisme lain

"Kita mahu rakyat menikmati beras berkualiti tinggi tetapi mekanisme lain perlu diambil supaya golongan sasar terus dibantu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Santai Pancing Sangkar Pulau

Ketam di Jeti Sungai Perepat di sini, semalam.

Subsidi beras ST15 dimansuhkan mulai tahun depan selaras usaha kerajaan merasionalisasikan subsidi yang dikatakan tidak sampai ke golongan sasar.

Program subsidi beras ST15 membabitkan kos RM530 juta setiap tahun.

Bagaimanapun, Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) dan Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM) menganggap cadangan menggantung sementara subsidi ST15 tidak wajar ke-

rana akan menjejaskan lebih tiga juta isi rumah berpendapatan rendah mendapatkan bekalan pada harga murah.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Mukhriz berkata, beliau perlu merebut pelbagai peluang disediakan kerajaan dalam usaha menggalakkan pembabitan golongan itu dalam bidang pertanian.

"Bajet 2016 memperuntukkan RM90 juta untuk membangunkan industri pertanian, khusus bagi anak muda dan Pemuda UMNO berharap peluang ini direbut sepenuhnya," katanya.